

# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## Kenyataan Akhbar Press Release

### Majlis Ikrar Pelajar Baharu Sesi 2023/2024

KOTA SAMARAHAN, 25 Julai 2023 : Seramai 689 orang pelajar pra-universiti baharu UNIMAS bagi kemasukan Sesi 2023/2024 telah melakukan Majlis Ikrar Pelajar baharu bertempat di Arena Gemilang, DeTAR PUTRA, UNIMAS pagi tadi.

Turut hadir ialah Pengurus Lembaga Pengarah UNIMAS, Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie, Naib Canselor UNIMAS, Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan kakitangan UNIMAS lain.

Dalam teks ucapan Naib Canselor UNIMAS, beliau telah mengucapkan tahniah kepada pelajar baharu dan berharap mereka dapat menggunakan peluang menimba ilmu di Universiti dengan sebaik mungkin. Beliau berkata, barisan pelajar baharu ini merupakan pelajar yang cemerlang dan mempunyai kebolehan dalam meningkatkan potensi diri bagi memastikan sistem pendidikan negara terus cemerlang dan utuh.

Oleh demikian, jelas beliau, Menerusi konsep *Membangun Malaysia Madani* dan berlandaskan beberapa dasar sedia ada negara seperti *Keluarga Malaysia*, *Wawasan Kemakmuran Bersama*, dan *Kebudayaan Kebangsaan*, para pelajar perlu turut serta bersama seluruh warga Malaysia untuk menghargai dan meneladani nilai keutuhan dalam segenap aspek kehidupan dan cabang aktiviti di negara ini.

Katanya, Walaupun berlatar belakangkan etnik, ras, taraf ekonomi dan sosial yang rencam serta berasal dari 14 buah negeri dan wilayah yang berbeza, dengan identiti tersendiri, namun kita semua bernaung di bawah panji dan rukun negara Malaysia yang sama dan menuntut kita mencari persamaan di dalam kepelbagaiannya. Selain itu, Universiti perlu menjadi model dan simbol solidariti perpaduan. Sebagai sebuah entiti yang tinggi tarafnya, universiti perlu berbangga dengan tradisi dan identitinya yang unggul dan tersendiri. Dalam hal ini, UNIMAS sentiasa komited sebagai kampus yang bersifat *community-driven university for a sustainable world* termasuklah kepada para pelajarnya.

25 Julai 2023

Pejabat Canselor dan  
Hubungan Antarabangsa  
(UNIMAS Global)  
Universiti Malaysia  
Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Tel +60 82 582394  
Fax +60 82 665088  
Emel:  
[archristina@unimas.my](mailto:archristina@unimas.my)  
[www.unimas.my](http://www.unimas.my)

Sementara itu, MIP adalah kemuncak kepada Minggu Aluan Pelajar (MAP) yang diadakan selama 3 hari selepas pelajar baharu mendaftarkan diri di Universiti ini pada 23 Julai lepas.

MIP adalah program lafaz ikrar pelajar dan sebagai tanda pelajar baharu akan mematuhi segala Akta, Perlembagaan, Statut dan peraturan Universiti serta iltizam untuk memanfaatkan peluang dan menjaga nama baik universiti ini.

**U N I M A S**